# KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
# TARIKH: 02 DISEMBER 2016 (JUMAAT)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | SC, MIMOS to jointly develop big data capability in capital market | BERNAMA |
| 2. | SC, MIMOS collaborate on big data in capital market | New Straits Times |
| 3. | SC, Mimos in data capability tie - up | The Star |
| 4. | SC, MIMOS bangunkan keupayaan data untuk pasaran modal | Kosmo |
| 5. | Saran kemas kini berkala | Harian Metro |
| 6. | Pusat pemindahan banjir terakhir di Terengganu ditutup 4.30 petang tadi | BERNAMA |
| 7. | Hujan lebat di lima negeri | Harian Metro |
| 8. | Dua sarung tangan ada kesan darah Kelvin Morais tersorok dalam Mitsubishi Triton | BERNAMA |

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 2 DISEMBER 2016 (JUMAAT)**

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY
BERNAMA

# SC, MIMOS To Jointly Develop Big Data Capability In Capital Market

KUALA LUMPUR, Dec 1 (Bernama) -- The Securities Commission Malaysia (SC) has signed a Memorandum of Understanding with MIMOS, the country's research and development centre in information communication and technology, to jointly develop a capital market advanced analytics platform.

By collaborating with MIMOS, the SC would be able to leverage new technology to process a higher volume of data from a variety of sources beyond the traditional data sets, facilitate the usage of RegTech or technology to enhance regulatory effectiveness, and build Malaysia's Big Data capability in the capital market.

The SC is one of the first among its peers in the ASEAN region to implement and develop advance analytics to aid and complement its regulatory work.

In order to further enhance SC's risk assessment, surveillance and supervision capabilities, the regulator has set out to further develop and adopt RegTech solutions to meet the regulatory challenges and deliver on regulatory outcomes, SC Chairman Tan Sri Ranjit Ajit Singh said in a joint statement here.

"To achieve this, we need up-to-date, comprehensive and quality data with advanced analytical capabilities to support a more fact-based, insight-driven approach to surveillance, supervision and research," he said.

**MIMOS Chief Executive Officer Datuk Abdul Wahab Abdullah** said the MoU laid the groundwork for deeper collaboration between MIMOS and SC in building big data capability for the country.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**
**NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT B16**
**TARIKH: 2 DISEMBER 2016 (JUMAAT)**




*Securities Commission of Malaysia chairman* ***Tan Sri Ranjit Ajit Singh*** *(left) and MIMOS chief executive officer* ***Datuk Abdul Wahab Abdullah*** *at the signing ceremony to jointly develop a capital market advanced analytics platform in Kuala Lumpur, yesterday.*

# SC, MIMOS collaborate on big data in capital market

**KUALA LUMPUR:** Securities Commission Malaysia (SC) and MIMOS Bhd yesterday signed a memorandum of understanding (MoU) to jointly develop a capital market advanced analytics platform.

By collaborating with MIMOS, the SC would be able to leverage new technology to process a higher volume of data from a variety of sources beyond the traditional data sets, said the companies in a joint statement.

This would facilitate the use of regulation technology, or RegTech, to enhance regulatory effectiveness and build Malaysia's big data capability in the capital market.

SC is one of the first in Asean to implement and develop advanced analytics to aid and complement its regulatory work.

MIMOS is Malaysia's research and development centre in information and communications technology.

The MoU was signed by SC chairman Tan Sri Ranjit Ajit Singh and MIMOS chief executive officer Datuk Abdul Wahab Abdullah.

Ranjit said in order to enhance SC's risk assessment, surveillance and supervision capabilities, the regulator had set out to further develop and adopt RegTech solutions to meet regulatory challenges and deliver regulatory outcomes.

"To achieve this, we need up-to-date, comprehensive and quality data with advanced analytical capabilities to support a more fact-based, insight-driven approach to surveillance, supervision and research.

"This collaboration between SC and MIMOS will provide SC with the technological capabilities to harvest and process a high volume of both structured and unstructured data, enable more accurate scenario analysis and horizon scanning to generate better insights," said Ranjit in the statement.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NEWS) : MUKA SURAT 02
TARIKH : 02 DISEMBER 2016 (JUMAAT)

# SC, Mimos in data capability tie-up

**KUALA LUMPUR:** The Securities Commission Malaysia (SC) has signed a memorandum of understanding (MoU) with Mimos, the countrys research and development centre in information communication and technology, to jointly develop a capital market advanced analytics platform.

By collaborating with Mimos, the SC would be able to leverage new technology to process a higher volume of data from a variety of sources beyond the traditional data sets, facilitate the usage of RegTech for technology to enhance regulatory effectiveness, and build Malaysias Big Data capability in the capital market.

The SC is one of the first among its peers in the Asean region to implement and develop advance analytics to aid and complement its regulatory work.

To further enhance SC's risk assessment, surveillance and supervision capabilities, the regulator has set out to further develop and adopt RegTech solutions to meet the regulatory challenges and deliver on regulatory outcomes, SC chairman Tan Sri Ranjit Ajit Singh said in a joint statement.

"To achieve this, we need up-to-date, comprehensive and quality data with advanced analytical capabilities to support a more fact-based, insight-driven approach to surveillance, supervision and research," he said.

Mimos chief executive officer Datuk Abdul Wahab Abdullah said the MoU laid the groundwork for deeper collaboration between Mimos and SC in building big-data capability for the country. — Bernama

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 51
TARIKH : 02 DISEMBER 2016 (JUMAAT)

# SC, MIMOS bangunkan keupayaan data untuk pasaran modal

**KUALA LUMPUR** - Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MIMOS, pusat penyelidikan dan pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi, untuk membangunkan platform analisis lanjutan pasaran modal.

Menurut Pengerusi SC, Tan Sri Ranjit Ajit, melalui kerjasama tersebut, pihaknya berupaya memanfaatkan teknologi baharu untuk memproses jumlah data yang lebih besar daripada pelbagai sumber melangkaui set data biasa.

"Kerjasama itu juga akan memudah cara penggunaan RegTech atau teknologi untuk meningkatkan kecekapan pengawalseliaan serta dan membina keupayaan data raya Malaysia dalam pasaran modal," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan bersempena majlis menandatangani MoU itu di sini semalam.

SC merupakan antara pengawal selia yang pertama di ASEAN yang melaksanakan dan membangunkan analisis lanjutan bagi membantu dan melengkapi kerja-kerja kawal selianya.

Ranjit menjelaskan, bagi meningkatkan keupayaan penilaian risiko, pemantauan dan pengawasan SC, badan itu telah mula meningkatkan lagi dan mengguna pakai penyelesaian RegTech bagi menghadapi cabaran kawal selia dan pencapaian hasilnya.

"Kita memerlukan data yang terkini, menyeluruh dan berkualiti dengan keupayaan analisis lanjutan bagi menyokong pendekatan yang lebih berasaskan fakta dan maklumat terperinci terhadap kerja-kerja pemantauan dan penyelidikan," ujarnya.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 55
TARIKH : 02 DISEMBER 2016 (JUMAAT)

# Saran kemas kini berkala

**Nurul Hidayah Bahaudin**
nurul.hidayah@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Syarikat Touch n Go dinasihatkan sentiasa mengemas kini perisian antivirus berkaitan sistem dalaman syarikat berkenaan bagi mengelak menjadi sasaran penjenayah siber.

Ketua Pegawai Eksekutif Cyber Security Malaysia Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, syarikat berkenaan perlu melakukan pemeriksaan berkala bagi mengesan ancaman terhadap sistem dalaman berkaitan.

"Penjenayah siber semakin licik dalam menggunakan pelbagai taktik untuk menggodam sistem dalaman syarikat berkenaan untuk mengaut keuntungan berlipat ganda dengan menggunakan teknologi canggih.

"Justeru, syarikat disaran menjalankan pemeriksaan berkala dan melakukan kemas kini perisian antivirus dari semasa ke semasa bagi mengelak ia digodam penjenayah siber, selain peranan pegawai teknologi maklumat dalam memantau rangkaian atau sistem itu daripada sebarang aktiviti percubaan untuk menceroboh" katanya.

Minggu lalu, Jabatan Jenayah Siasatan Komersial (JSJK) Bukit Aman menumpaskan sindiket penipuan kad Touch n Go dalam serbuan di empat negeri iaitu Selangor, Melaka, Johor dan Pulau Pinang membabitkan kerugian RM2.2 juta.



"Syarikat disaran menjalankan pemeriksaan berkala dan melakukan kemas kini perisian antivirus dari masa ke semasa bagi mengelak ia digodam penjenayah siber"

***Dr Amirudin Abdul Wahab***

Dalam serbuan itu, polis menahan 14 individu berusia lingkungan 30 hingga 56 tahun termasuk dua lelaki yang juga dalang utama sindiket berkenaan di Pulau Pinang, selain merampas pelbagai barangan bernilai hampir RM1 juta dan membekukan 18 akaun milik suspek berjumlah RM165,000.

Amirudin berkata, pihaknya tidak mempunyai sebarang maklumat berhubung perisian yang boleh digunakan untuk menggodam sistem syarikat terbabit berikutan tidak menerima laporan berkaitan sindiket penipuan berkenaan.

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 02 DISEMBER 2016 (JUMAAT)**

# Pusat Pemindahan Banjir Terakhir Di Terengganu Ditutup 4.30 Petang Tadi

KUALA TERENGGANU, 1 Dis (Bernama) -- Pusat pemindahan banjir terakhir di Terengganu iaitu di Sekolah Kebangsaan Chendering telah ditutup pada pukul 4.30 petang tadi.

Pemangku Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Terengganu, Rusmi Mahmood ketika dihubungi Bernama berkata tujuh mangsa dari tiga keluarga yang terjejas akibat banjir itu telah pun pulang ke rumah masing-masing setelah air surut sepenuhnya petang tadi.

"Semalam, walaupun cuaca semakin baik, rumah tiga keluarga tersebut berada di kawasan yang agak rendah berbanding rumah lain menyebabkan air masih belum surut.

"Namun, cuaca panas pada sebelah petang tadi telah mempercepatkan proses air bertakung itu surut dan mereka mengambil keputusan untuk pulang ke rumah bagi memulakan proses pembersihan," katanya.

Bagaimanapun, JKM katanya tetap memantau perkembangan terbaharu banjir di Terengganu susulan amaran hujan lebat peringkat kuning yang dikeluarkan **Jabatan Meteorologi Malaysia** yang dijangka berlarutan sehingga Sabtu ini.

Sementara itu, tinjauan Bernama ke Taman Alamanda 3 di Jalan Pusara juga mendapati kebanyakan penduduk telah selesai membersihkan persekitaran rumah masing-masing.

Seorang penduduk, Mohamad Hazman Ramli, 45, berkata beliau tiada di rumah ketika banjir kilat melanda pada Selasa lepas.

"Kebetulan saya pulang ke kampung isteri di Seremban pada Ahad dan mendapat panggilan dari jiran mengatakan kawasan perumahan kami dinaiki air akibat kejadian itu.

"Saya dan isteri bergegas pulang ke Terengganu dan mengambil masa yang agak lama untuk membersihkan rumah kerana terlalu banyak barang yang rosak perlu dibuang dan diasingkan mengikut kategori sampah seperti kaca, plastik dan kertas," katanya.

Beliau juga berharap Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dapat menyediakan perkhidmatan memungut sampah dengan lebih kerap untuk memudahkan penduduk terjejas banjir membersihkan rumah mereka.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**
**HARIAN METRO (TENGAH) : MUKA SURAT 04**
**TARIKH : 02 DISEMBER 2016 (JUMAAT)**

# Hujan lebat di lima negeri

**Kuala Lumpur:** Hujan lebat peringkat kuning dijangka berlaku di lima negeri di Semenanjung sehingga esok.

Jurucakap Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) berkata, hujan lebat itu diramal berlaku di Terengganu, Kelantan, Perlis, Kedah dan Perak Utara.

"Peringkat amaran kuning dikeluarkan sejak semalam (1 Disember) apabila pemantauan menunjukkan hujan sederhana kadangkala lebat dijangka dalam tempoh satu hingga tiga hari.

"Keadaan ini dijangka berterusan sehingga Sabtu (esok) di lima negeri berkenaan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Berdasarkan tinjauan MetMalaysia, cuaca mendung dengan hujan pada awal pagi berlaku di negeri pantai timur manakala di utara Semenanjung pula pada waktu pagi dan awal malam.

**BERITA ONLINE**
**BERNAMA.COM**
**TARIKH: 2 DISEMBER 2016 (JUMAAT)**

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY
BERNAMA

# Dua Sarung Tangan Ada Kesan Darah Kevin Morais Tersorok Dalam MITSUBISHI TRITON

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Seorang saksi memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa dua pasang sarung tangan yang mempunyai kesan darah Timbalan Pendakwa Raya Datuk Anthony Kevin Morais ditemui tersorok dalam kenderaan pacuan empat roda yang digunakan untuk melanggar kenderaan dipandu Kevin Morais.

Anggota Forensik Ibu Pejabat Polis (IPK) Kontinjen Kedah, Sarjan Azmi Shaari berkata kedua-dua sarung tangan getah yang berwarna hitam itu ditemui di bahagian kanan bawah tempat duduk pemandu kenderaan pacuan empat roda jenis Mitsubishi Triton itu.

"(Sarung tangan) berada bawah kusyen pemandu, kalau dari depan tak nampak, dari belakang nampak, (sarung tangan) dalam plastik," katanya ketika pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya Wan Shaharuddin Wan Ladin, dalam perbicaraan kes pembunuhan Kevin Morais yang masuk hari ke-33.

Pada perbicaraan sebelum ini ahli kimia Forensik DNA **Jabatan Kimia Malaysia**, Nor Aidora Saedon, 43, telah mengesahkan kesan darah itu sepadan dengan DNA Kevin Morais.

Azmi, 55, merupakan saksi pendakwaan ke-48 yang dipanggil semula menyambung keterangannya hari ini.

Saksi itu memberitahu beliau diarahkan oleh Pegawai Risikan Pasukan Khas Jenayah Terancang (Stafoc) Bukit Aman ACP Shazeli Kahar untuk mencari barang kes berkaitan kes itu dalam kenderaan Mitsubishi Triton yang berada di alamat No 13, Lorong Cendawan 6/4, Taman Bayan, Lunas, Kulim, Kedah.

Enam lelaki - G Gunasekaran, 48; R Dinishwaran, 24; A K Thinesh Kumar, 23; M Vishwanath, 26; S Nimalan, 23 dan S Ravi Chandaran, 45, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan membunuh Kevin Morais antara 7 pagi dan 8 malam, 4 Sept 2015, antara Jalan Dutamas Raya Sentul dan No.1 Jalan USJ1/6D, Subang Jaya.

Dr Kunaseegaran, 53, yang merupakan tertuduh pertama, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan bersubahat dengan enam lelaki itu dalam pembunuhan Kevin Morais di tempat, tarikh dan masa sama.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Azman Abdullah bersambung esok.

-- BERNAMA